

5. RUMAH

- Setiap ahli keluarga berkongsi tanggungjawab untuk membuat kerja rumah dan penjagaan anak-anak.
- Menghormati pandangan setiap orang dan memberi peluang supaya menyatakan keinginan mereka.



6. PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

- Semua orang termasuk lelaki atau wanita, ibu mengandung dan OKU menyumbang kepada pembangunan negara.
- Sekiranya orang kurang upaya tidak diintegrasikan ke dalam tenaga kerja Malaysia, maka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan merosot antara USD 1.68 juta hingga USD 2.38 juta.¹

¹ Khor HT (2002). Employment of Persons with Disabilities. Social-Economic & Environmental Research Institute; 4(3): 4–7.

KELOMPOK BERLAINAN, KEPERLUAN BERBEZA



Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)
(Agenzia Pelaksana DKG)
TG6 & TG7, Level 47, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang, Malaysia

+(604) 261 2835 / 261 5261

info@pwdc.org.my

www.pwdc.org.my

Sila imbas kod QR
di bawah untuk
mendapatkan
maklumat lanjut
berkenaan DKG



**Keterangkuman
Gender**



Saya percaya, Pulau Pinang mampu menjadi teladan dan inspirasi dalam usaha mengurangkan jurang gender dengan mengambil pendekatan menjayakan Dasar Keterangkuman Gender dalam menyampaikan perkhidmatan.

– Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang,
7 Mac 2019




1. TEMPAT KERJA

- Memberikan peluang yang sama rata kepada lelaki dan perempuan dari segi:
 - Pengambilan pekerja baru.
 - Peluang kenaikan pangkat dan penglibatan diri dalam perancangan projek.
- Dengan adanya kepelbagaian, kreativiti dapat dipertingkatkan dan permasalahan dalam perbincangan boleh diselesaikan.


2. TEMPAT AWAM

- Tempat awam seperti taman rekreasi dan pengangkutan awam mempunyai kemudahan yang memberi manfaat kepada lelaki, perempuan, OKU, warga emas.
- Bas awam mengamalkan elemen mesra gender seperti laluan landai (*ramp*) dan tempat duduk khas.



3. INSTITUSI PENGAJIAN

- Kemasukan universiti yang sama rata.
- Orang asli dan orang asal serta mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dapat memperoleh pendidikan.
- Kemudahan asas seperti tempat letak kereta khas OKU, laluan landai (*ramp*) dan susur tangan (*railing*), dan tandas disediakan.



4. PERKHIDMATAN AWAM

- Kaunter khas untuk golongan OKU, wanita mengandung, warga emas dan lain-lain.
- Misalnya, kaunter yang lebih rendah untuk kegunaan OKU yang berkerusi roda disediakan.